

14/06/2003

Banjir, hal politik, isu PBT tajuk utama

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

ISU politik, khasnya calon Timbalan Perdana Menteri, serta masalah banjir

kilat menjadi tumpuan akhbar berbahasa Cina sepanjang minggu ini.

Kelmarin, Nanyang Siang Pau pada muka depannya melaporkan Naib Presiden

Umno, Datuk Seri Mohd Najib Razak, bakal mengisi jawatan pemimpin nombor dua negara.

Sumber Umno dipetik sebagai berkata, sehingga kini Menteri Pertahanan itu adalah calon paling berpeluang memandangkan beliau adalah naib presiden parti yang paling berpengalaman dan menepati perkembangan politik negara.

Menurutnya, ia adalah penting untuk Najib menjadi timbalan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir pada Oktober ini kerana ia dapat menstabil serta mengukuhkan lagi kedudukan Umno.

Katanya, Dr Mahathir akan menguruskan hal itu selepas menyelesaikan masalah dalaman MCA untuk memastikan Umno yang akan dipimpin oleh Abdullah

dapat menghadapi pilihan raya umum dengan barisan paling mantap.

Sumber itu berkata, ia akan menjadi strategi paling penting untuk Umno selepas kalah di dua negeri, iaitu Kelantan dan Terengganu, kepada Pas.

Katanya, jika Najib yang berasal dari Pantai Timur dinaikkan pangkat, semangat akar umbi Umno setempat dapat dibangkitkan untuk berusaha lebih gigih dalam mempertahankan kubu di Pahang dan membantu rancangan Barisan Nasional (BN) merampas kembali Kelantan serta Terengganu.

Dalam perkembangan lain, Sin Chew Daily, Khamis lalu menasihatkan kerajaan supaya menjalankan penilaian dan pemantauan ketat untuk memastikan pemaju perumahan dan projek penebangan hutan mematuhi undang-undang di samping mengenakan tindakan terhadap pihak yang menyebabkan banjir kilat.

Akhbar itu turut mencadangkan kerajaan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran rakyat terhadap kepentingan kitar semula.

Rakyat turut diajak bekerjasama dengan kerajaan untuk mengikis tabiat membuang sampah merata-rata kerana sampah-sarap adalah punca banjir kilat berlaku.

Kementerian Kesihatan juga dinasihatkan mengambil langkah mencegah demam denggi daripada berleluasa selepas banjir.

China Press Khamis lalu pula menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyegerakan pelaksanaan projek mencegah banjir di ibu negara dan projek mendalamkan sungai.

Akhbar itu turut menyeru DBKL mencontohi ibu negara maju seperti Hong Kong dan Singapura yang tidak pernah mengalami masalah banjir kilat.

Sementara itu, isu sikap gila kuasa sesetengah pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) mendapat perhatian Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Namban

(Nanban) minggu ini, rata-rata mengenai tindakan mereka yang agak keterlaluan.

Nanban dalam editorialnya, membidas sikap pegawai PBT yang menganggap diri mereka sebagai `raja' di kawasan bidang kuasa masing-masing dan bertindak mengugut serta mendiskriminasi individu yang cuba menentang walaupun hanya bagi mempertahankan hak mereka.

Akhbar itu mengesyorkan Kerajaan Pusat terbabit secara langsung dengan pelantikan yang dipertua serta pegawai atasan PBT dan tidak lagi menyerahkan tugas itu kepada kerajaan negeri yang ternyata gagal melakukannya dengan baik.

Ia juga berpendapat jawatan tertinggi setiap PBT harus ditentukan menerusi pembuangan undi oleh pembayar cukai setempat dan bukan secara pelantikan terus oleh kerajaan negeri supaya wujud sifat bertanggungjawab yang lebih mendalam.

Nanban juga menegur Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) yang begitu ghairah membuat andaian peribadi membezakan perlakuan bermoral dan apa yang mereka tafsir sebagai tidak bermoral.

Nesan pula membidas sikap Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang masih cuba menegakkan benang basah dengan mendakwa mereka memberi khidmat terbaik kepada penduduk setempat sedangkan sebahagian besar penduduk mengutuk dan mencaci MPAJ hampir setiap hari menerusi media.

Katanya, kebanyakan isu yang mudah diselesaikan di antara penduduk dan PBT sering diperbesarkan sehingga menimbulkan kemarahan penduduk kerana pegawai PBT bersikap angkuh dan sombong ketika melaksanakan tugas.

Akhbar itu juga melaporkan mengenai tindakan Majlis Perbandaran Langkawi (MPL) yang mahu merobohkan sebuah kuil di Jalan Kisap tanpa mempedulikan permintaan masyarakat India setempat untuk mencari rumusan alternatif.

Lapor Nesan lagi, isu merobohkan kuil oleh PBT semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini dan ia sudah tentu menimbulkan kekecewaan masyarakat keturunan India kerana ia bermakna kerajaan gagal menangani isu sensitif seperti ini dengan sebaik mungkin.

Walaupun tindakan merobohkan kuil yang didirikan secara haram tidak dipertikaikan, cara ia dilaksanakan oleh PBT tertentu umpamanya tidak memberi masa untuk mengalihkan kuil atau menyediakan tapak alternatif, mungkin mengundang amarah masyarakat India.

Kedua-dua akhbar juga berpendapat kesetiaan masyarakat India terhadap MIC atau kerajaan BN tidak boleh bertepuk sebelah tangan saja, sebaliknya ia memerlukan persefahaman yang baik bagi manfaat bersama.